

23 SEP 1999

MAHATHIR-EKONOMI

UNJURAN PERTUMBUHAN SATU PERATUS KEKAL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata hari ini unjuran kerajaan pertumbuhan satu peratus bagi keluaran dalam negara kasar (kdnk) pada tahun ini akan kekal.

Beliau berkata walaupun terdapat beberapa unjuran oleh pelbagai pihak bahawa ekonomi akan mencapai pertumbuhan melebihi tiga peratus tahun ini, unjuran kerajaan akan terus konservatif.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat di istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-11 di Istana Negara, di sini.

Kenyataan Dr Mahathir itu dibuat berikutan satu laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menyatakan Malaysia boleh mengunjurkan pertumbuhan ekonomi 2.4 peratus tahun ini dan 6.5 peratus tahun depan, dengan sokongan daripada rangsangan fiskal dan kewangan negara.

Dalam "World Economic Outlook", ulasan dua kali setahun bagi ekonomi-ekonomi anggotanya yang dikeluarkan di Washington pada Rabu lalu, IMF menyatakan pengenaan kawalan matawang negara dan penetapan kadar pertukaran telah membawa kesan yang positif, tetapi ia memberi amaran kedua-dua dasar itu perlu dikaji semula kerana ekonomi sedang mula meningkat semula.

IMF, terdahulu pada awal bulan ini mengakui bahawa kawalan modal Malaysia telah membawa hasil yang baik dan bersetuju kaedah "tidak standard" seumpama itu wajar diguna pakai di negara-negara yang berdepan dengan tekanan pelabur.

Dalam laporannya, IMF menyatakan Malaysia, Korea Selatan, Indonesia, Thailand dan Filipina boleh mencatatkan prestasi ekonomi yang lebih baik tahun ini dan seterusnya, berbanding yang diunjurkan awal tahun ini.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah kawalan modal terpilih yang diperkenalkan pada September tahun lalu telah berjaya mengekang spekulator matawang daripada berterusan menekan nilai ringgit dan menghancurkan ekonomi negara.

"Langkah-langkah lain seperti mengurangkan kadar faedah dan meningkatkan kecairan dalam sistem perbankan telah berjaya merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sejak negara dilanda kemelesetan pada Julai 1997 yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi, langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan telah mula membuahkan hasil.

"Ekonomi kini mula mencatatkan pemulihan yang kukuh manakala keyakinan pelabur termasuk pelabur asing terus meningkat," katanya.

"Kerajaan yakin dengan keikhlasan rakyat dan usaha padu serta kerjasama daripada semua pihak, ekonomi akan pulih sepenuhnya lebih awal daripada yang dijangkakan, dengan keizinan Allah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata walaupun negara komited dan menyokong konsep perdagangan bebas dan globalisasi, kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakannya dan mengancam ekonomi negara.

Justeru, kerajaan akan terus menggunakan forum antarabangsa sebagai medan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat antarabangsa mengenai risiko perdagangan bebas dan bahaya spekulasi matawang yang tidak dikawal, kata Dr Mahathir.

--BERNAMA

ES ZK